

D.R. 31/93

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN
SAUDAGAR (PENCEMARAN MINYAK) 1993**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Pasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

LIABILITI SIVIL BAGI PENCEMARAN MINYAK

3. Liabiliti bagi pencemaran minyak.
4. Pengecualian daripada liabiliti di bawah seksyen 3.
5. Had liabiliti bagi pencemaran minyak.
6. Pembatasan liabiliti di bawah seksyen 3.
7. Tindakan pembatasan.
8. Had ke atas penguatkuasaan tuntutan selepas penubuhan kumpulan wang pembatasan.
9. Kumpulan wang pembatasan di luar Malaysia.
10. Penghapusan tuntutan.
11. Insurans wajib terhadap liabiliti bagi pencemaran.
12. Pengeluaran perakuan oleh Pengarah Laut.
13. Hak pihak ketiga terhadap penanggung insurans.
14. Kapal kerajaan.

BAHAGIAN III

**KUMPULAN WANG ANTARABANGSA BAGI PAMPASAN PENCEMARAN
MINYAK**

15. Tafsiran.
16. Keperibadian undang-undang Kumpulan Wang.

Fasal

17. Caruman oleh orang yang menerima minyak.
18. Kuasa untuk mendapatkan maklumat.
19. Liabiliti Kumpulan Wang.
20. Penanggungan rugi jika kerosakan disebabkan oleh kapal yang didaftarkan di negara Konvensyen Kumpulan Wang.
21. Penghapusan tuntutan.
22. Subrogasi dan hak pertolongan.

BAHAGIAN IV

BIDANG KUASA DAN KESAN PENGHAKIMAN

23. Bidang kuasa dan kesan penghakiman.
24. Penguatkuasaan penghakiman.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

25. Pengarah Laut hendaklah menjalankan kuasa dan tugas di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.
26. Kuasa menangkap, menahan dan mendakwa.
27. Kuasa untuk menaiki dan menggeledah kapal.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

28. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
29. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

JADUAL-JADUAL.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk membuat peruntukan berkenaan dengan liabiliti sivil bagi pencemaran minyak oleh kapal-kapal saudagar dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1993. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"insiden" ertinya apa-apa kejadian, atau siri kejadian yang mempunyai punca yang sama, yang menyebabkan kerosakan pencemaran;

"kapal" ertinya mana-mana vesel laut dan mana-mana lancang laut daripada apa jua jenis, yang sebenarnya membawa minyak secara pukal sebagai kargo;

"kerusakan pencemaran" ertinya kerugian atau kerusakan di luar kapal yang membawa minyak yang disebabkan oleh pencemaran akibat daripada pelepasan atau kebocoran minyak daripada kapal, di mana jua pelepasan atau kebocoran itu berlaku, dan termasuklah kos bagi langkah-langkah pencegahan dan kerugian atau kerusakan selanjutnya yang disebabkan oleh langkah-langkah pencegahan;

"Konvensyen Liabiliti" ertinya Konvensyen Antarabangsa mengenai Liabiliti Sivil bagi Kerosakan Pencemaran Minyak yang ditandatangani di Brussels pada 29hb November 1969 sebagaimana yang dipinda oleh Protokol Tahun 1976;

"langkah-langkah pencegahan" ertinya apa-apa langkah munasabah yang diambil oleh mana-mana orang selepas berlakunya sesuatu insiden untuk mencegah atau meminimumkan kerosakan pencemaran;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Borneo, mengikut mana-mana yang berkenaan;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkapalan saudagar;

"minyak", kecuali dalam Bahagian III, ertinya apa-apa minyak tegar seperti minyak mentah, minyak bahan api, minyak disel berat, minyak pelincir dan minyak ikan paus, sama ada dibawa di atas kapal sebagai kargo atau dalam bunker kapal sedemikian;

"nakhoda" mempunyai erti yang sama yang diberikan *Ord. 70/1952.* kepadanya di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;

"negara Konvensyen Liabiliti" ertinya sesuatu negara yang berkenaan dengannya Konvensyen Liabiliti berkuatkuasa;

"orang" ertinya mana-mana individu atau perkongsian atau mana-mana badan awam atau persendirian, sama ada perbadanan atau bukan perbadanan, termasuklah sesuatu Negara atau mana-mana subbahagian jujuknya;

"pegawai diberikuasa" ertinya seseorang pegawai pelabuhan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 atau mana-mana pegawai diberikuasa di bawah seksyen 25;

"pelabuhan" ertinya—

(a) sesuatu pelabuhan atau tempat yang diisytiharkan sebagai pelabuhan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

(b) sesuatu tempat yang ditetapkan sebagai pelabuhan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 Sabah, Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 Sarawak dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

*Sabah
Ord. 11160.
Sarawak
Ord. 2/60.*

"Pemeriksa Kapal" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;

"pemunya" ertinya orang yang didaftarkan sebagai pemunya kapal, atau sekiranya tiada pendaftaran, orang atau orang-orang yang menjadi pemunya kapal itu, kecuali bahawa berhubungan dengan kapal yang dipunyai oleh sesuatu Negara dan dikendalikan oleh suatu syarikat yang di dalam Negara itu didaftarkan sebagai pengendali kapal itu, "pemunya" hendaklah bererti syarikat sedemikian;

"Pengaroh Laut" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;

"pemasangan pangkalan" ertinya mana-mana tempat bagi menyimpan minyak secara pukal yang boleh menerima minyak daripada pengangkutan air, termasuklah apa-apa kemudahan yang terletak di luar pesisir dan dihubungkan dengan mana-mana tempat itu.

(2) Berhubungan dengan apa-apa kerosakan pencemaran akibat daripada pelepasan atau kebocoran apa-apa minyak daripada sesuatu kapal, sebutan mengenai pemunya kapal itu dalam Akta ini ialah sebutan mengenai pemunya pada masa insiden itu atau, jika insiden itu terdiri daripada suatu siri kejadian yang mempunyai punca yang sama, ialah sebutan mengenai pemunya pada masa kejadian yang pertama itu.

(3) Sebutan dalam Akta ini mengenai mana-mana kawasan di Malaysia termasuklah perairan wilayah Malaysia dan sebutan mengenai mana-mana kawasan di negara Konvensyen Liabiliti lain termasuklah perairan wilayah negara Korwensyen Liabiliti tersebut.

BAHAGIAN II

LIABILITI SIVIL BAGI PENCEMARAN MINYAK

Liabiliti bagi pencemaran minyak.

3. (1) Jika, akibat daripada sesuatu insiden yang berlaku, apa-apa minyak dilepaskan atau bocor daripada kapal, pemunya kapal itu hendaklah, kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh Akta ini, bertanggung bagi apa-apa kerosakan pencemaran yang disebabkan oleh pelepasan atau kebocoran itu di mana-mana kawasan di Malaysia.

(2) Selanjutnya, pemunya kapal itu hendaklah bertanggung bagi apa-apa kerosakan pencemaran yang disebabkan berlaku di mana-mana kawasan di mana-mana negara Korwensyen Liabiliti lain akibat daripada apa-apa insiden yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(3) Jika minyak telah dilepaskan atau bocor daripada dua kapal atau lebih, dan akibat daripadanya kerosakan pencemaran berlaku, pemunya kesemua kapal itu, melainkan jika dilepaskan di bawah seksyen 4, hendaklah secara bersesama dan berasingan bertanggung bagi segala kerosakan pencemaran itu yang tidak boleh semunasabahnya diasingkan.

4. (1) Pemunya sesuatu kapal yang daripada kapalnya minyak telah dilepaskan atau bocor tidak akan menanggung apa-apa liabiliti bagi kerosakan pencemaran di bawah seksyen 3 jika dia membuktikan bahawa pelepasan atau kebocoran itu—

Pengecualian daripada liabiliti di bawah seksyen 3.

- (a) diakibatkan oleh tindakan perang, permusuhan, perang saudara, penderhakaan atau sesuatu fenomena semula jadi yang luar biasa, tak dapat dielakkan dan tak dapat dibendung jenisnya;
- (b) keseluruhannya disebabkan oleh sesuatu perbuatan atau peninggalan pihak ketiga, dan perbuatan atau peninggalan itu dilakukan dengan niat menyebabkan kerosakan; atau
- (c) keseluruhannya disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan salah kerajaan atau pihak berkuasa lain yang bertanggungjawab bagi penyenggaraan lampu atau alat-alat navigasi lain dalam perjalanan fungsi tersebut.

(2) Jika pemunya kapal yang daripada kapalnya minyak telah dilepaskan atau bocor membuktikan bahawa kerosakan pencemaran itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, adalah akibat daripada sama ada suatu perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan niat menyebabkan kerosakan oleh orang yang menanggung kerosakan itu atau adalah akibat daripada kecuaiian orang tersebut, maka pemunya kapal itu boleh dilepaskan, keseluruhannya atau sebahagiannya, daripada liabilitinya terhadap orang itu.

5. Jika, akibat daripada sesuatu insiden yang berlaku, apa-apa minyak dilepaskan atau bocor daripada kapal, maka, sama ada atau tidak pemunya kapal itu menanggung liabiliti di bawah seksyen 3—

Had liabiliti bagi pencemaran minyak.

- (a) dia tidaklah bertanggung melainkan di bawah seksyen tersebut bagi apa-apa kerosakan sedemikian yang disebutkan dalam seksyen itu; dan

- (b) tiada pengkhidmat atau ejen pemunya kapal itu adalah bertanggung bagi apa-apa kerosakan sedemikian.

Pembatasan
liabiliti di
bawah
seksyen 3.

6. (1) Jika pemunya sesuatu kapal menanggung liabiliti di bawah seksyen 3 berkenaan dengan mana-mana satu insiden—

- (a) peruntukan yang berhubungan dengan pembatasan liabiliti pemunya kapal dalam hal kerugian atau kerosakan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berhubungan dengan perkapalan saudagar tidaklah terpakai bagi liabiliti tersebut; tetapi
- (b) dia boleh membataskan liabiliti tersebut mengikut Akta ini, dan jika dia berbuat demikian, liabilitinya (iaitu, agregat liabilitinya di bawah seksyen 3 berkenaan dengan mana-mana satu insiden) tidak boleh melebihi satu ratus tiga puluh tiga hak pengeluaran khas bagi setiap tan kapal itu, dengan syarat bahawa amaun agregat ini tidak boleh sekali-kali melebihi empat belas juta hak pengeluaran khas.

(2) Jika insiden itu berlaku akibat daripada kesalahan sebenar atau priviti pemunya kapal itu, dia tidak berhak menggunakan batasan dalam perenggan (1)(b).

(3) Bagi maksud Akta ini tan kapal adalah tan berdaftar bersih dan hendaklah ditentukan sebagaimana yang berikut:

- (a) jika tolakan telah dibuat bagi ruang bilik enjin dalam mencapai tan berdaftar bersihnya, tanannya adalah tan berdaftar bersih yang ditambah dengan amaun tolakan tersebut;
- (b) jika tan berdaftar bersih kapal tidak dapat diukur mengikut kaedah-kaedah biasa bagi pengukuran tan, tan berdaftar bersihnya hendaklah dikira sebagai empat puluh peratus daripada berat minyak (dinyatakan dalam tan 1016 kilogram) yang boleh dibawa oleh kapal itu; atau

- (c) jika tanan berdaftar bersih kapal tidak dapat ditentukan mengikut perenggan-perenggan yang terdahulu, Pemeriksa Kapal hendaklah, jika diarahkan demikian oleh Mahkamah, memperakui, atas keterangan yang dinyatakan dalam arahan itu, apa pada pendapatnya adalah tanan berdaftar bersih kapal itu jika ditentukan mengikut perenggan-perenggan yang tersebut, dan tanan berdaftar bersih yang dinyatakan dalam perakuannya hendaklah dikira sebagai tanan berdaftar bersih kapal itu.

7. (1) Jika pemunya sesuatu kapal telah atau dikatakan telah menanggung sesuatu liabiliti di bawah seksyen 3 dia boleh memohon kepada Mahkamah bagi membataskan liabiliti tersebut kepada suatu amaun yang ditentukan mengikut seksyen 6. Tindakan pembatasan.

(2) Jika atas permohonan sedemikian Mahkamah mendapati bahawa pemohon itu telah menanggung liabiliti sedemikian dan berhak membataskannya, Mahkamah hendaklah, setelah menentukan batasan liabiliti itu dan mengarahkan supaya dibayar atau didepositkan suatu jaminan bank atau cagaran ke dalam Mahkamah bagi amaun batasan itu—

- (a) menentukan amaun, selain daripada batasan itu, yang kena dibayar berkeenaan dengan liabiliti itu kepada orang-orang yang membuat tuntutan dalam prosiding itu; dan
- (b) mengarahkan pembahagian amaun yang dibayar ke dalam Mahkamah (atau, mengikut mana-mana yang berkeenaan, sekian banyak daripadanya yang tidak melebihi liabiliti itu) di kalangan orang itu mengikut kadar tuntutannya yang terbukti, tertakluk kepada subseksyen (3), (4), (5) dan (6).

(3) Tiada tuntutan boleh diterima dalam prosiding di bawah seksyen ini melainkan jika ia dibuat dalam apa-apa masa yang diarahkan oleh Mahkamah atau apa-apa masa selanjutnya yang dibenarkan oleh Mahkamah tetapi masa itu tidak boleh kurang daripada enam bulan dari tarikh berlakunya kerosakan pencemaran itu.

(4) Jika apa-apa jumlah wang telah dibayar, dalam atau bagi menyelesaikan apa-apa tuntutan berkenaan dengan kerosakan pencemaran yang kepadanya liabiliti itu diperluaskan—

(a) oleh pemunya sesuatu kapal atau mana-mana pengkhidmat atau ejennya atau orang yang disebut dalam seksyen 13 sebagai "penanggung insurans"; atau

(b) oleh mana-mana orang lain,

maka orang yang membayar jumlah wang itu hendaklah, sehingga takat jumlah wang itu, berada dalam kedudukan yang sama berkenaan dengan apa-apa pembahagian yang dibuat dalam prosiding di bawah seksyen ini sebagaimana orang yang kepadanya jumlah wang itu dibayar berada.

(5) Jika pemunya kapal itu telah secara sukarela membuat apa-apa pengorbanan munasabah atau menanggung apa-apa perbelanjaan munasabah untuk mencegah atau meminimumkan kerosakan pencemaran yang kepadanya liabiliti itu diperluaskan atau mungkin telah diperluaskan, maka dia hendaklah berada dalam kedudukan yang sama berkenaan dengan apa-apa pembahagian yang dibuat dalam prosiding di bawah seksyen ini seolah-olah dia mempunyai suatu tuntutan berkenaan dengan liabiliti itu yang sama dengan kos pengorbanan atau perbelanjaan itu.

(6) Mahkamah boleh, atas permohonan pemunya sesuatu kapal atau mana-mana orang lain yang membuktikan bahawa dia mungkin terpaksa membayar apa-apa amaun pampasan, keseluruhannya atau sebahagiannya, pada suatu tarikh yang kemudian, yang mengenainya dia akan menikmati hak subrogasi di bawah subseksyen (4) sekiranya pampasan telah dibayar sebelum amaun yang dibayar ke dalam Mahkamah dibagikan, memerintahkan supaya suatu jumlah wang yang mencukupi diketepikan untuk membolehkan orang itu membuat suatu tuntutan pada suatu tarikh yang kemudian.

8. Jika Mahkamah mendapati bahawa seseorang yang telah menanggung liabiliti di bawah seksyen 3 berhak untuk membataskan liabiliti itu di bawah seksyen 6 dan dia telah membayar suatu jumlah wang atau mendepositkan suatu jaminan bank atau cagaran ke dalam Mahkamah bagi suatu jumlah wang yang tidak kurang daripada amaun pembatasan tersebut—

Had ke atas penguatkuasaan tuntutan selepas penubuhan kumpulan wang - pembatasan.

- (a) Mahkamah hendaklah memerintahkan pelepasan mana-mana kapal atau harta lain yang ditahan berkaitan dengan tuntutan berkenaan dengan liabiliti tersebut atau apa-apa janji-janji atau cagaran lain yang diberikan untuk mengelakkan penahanan sedemikian; dan
- (b) tiada penghakiman atau perintah berkenaan dengan apa-apa tuntutan sedemikian boleh dikuatkuasakan, kecuali setakat yang ia adalah bagi kos,

jika pihak menuntut mempunyai akses kepada Mahkamah dan jika bayaran itu atau jaminan bank atau cagaran itu atau mana-mana bahagiannya yang bersamaan dengan tuntutan itu sebenarnya boleh didapati oleh pihak menuntut itu.

9. Jika peristiwa yang mengakibatkan mana-mana orang menanggung liabiliti di bawah seksyen 3 telah juga mengakibatkan liabiliti yang bersamaan di bawah undang-undang negara Konvensyen Liabiliti yang lain, maka seksyen 8 hendaklah terpakai seolah-olah sebutan mengenai seksyen 3 dan 7 termasuk sebutan mengenai peruntukan-peruntukan bersamaan undang-undang itu dan sebutan mengenai jumlah wang yang dibayar ke dalam Mahkamah termasuk sebutan mengenai apa-apa jumlah wang yang didapatkan di bawah peruntukan-peruntukan itu berkenaan dengan liabiliti itu.

Kumpulan wang pembatasan di luar Malaysia.

10. Tiada tindakan untuk menguatkuasakan suatu tuntutan berkenaan dengan liabiliti yang ditanggung di bawah seksyen 3 boleh dipertimbangkan oleh mana-mana Mahkamah di Malaysia melainkan jika tindakan itu dimulakan dalam tempoh tiga tahun dari tarikh

Penghapusan tuntutan.

berlakunya kerusakan pencemaran itu atau dalam tempoh enam tahun dari tarikh insiden yang menyebabkan kerusakan pencemaran itu, dan jika insiden itu terdiri daripada suatu siri kejadian, tempoh enam tahun itu hendaklah bermula dari tarikh kejadian sedemikian yang pertama.

Insurans
wajib
terhadap
liabiliti bagi
pencemaran.

11. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini berhubung dengan kapal-kapal Kerajaan, seksyen ini hendaklah terpakai bagi mana-mana kapal yang membawa secara pukal kargo yang lebih daripada dua ribu tan minyak.

(2) Mana-mana kapal sedemikian tidak boleh memasuki atau meninggalkan sesuatu pelabuhan di Malaysia atau tiba di atau meninggalkan sesuatu kawasan pemasangan pangkalan di mana-mana kawasan di Malaysia atau, jika kapal itu didaftarkan di Malaysia, ia tidak boleh memasuki atau meninggalkan sesuatu pelabuhan di mana-mana negara lain atau sesuatu pemasangan pangkalan di perairan wilayah mana-mana negara lain, melainkan jika ada berkuatkuasa suatu perakuan yang mematuhi subseksyen (3) dan yang menunjukkan ada berkuatkuasa berkenaan dengan kapal itu suatu kontrak insurans atau apa-apa cagaran kewangan lain yang memenuhi kehendak-kehendak Perkara 7 Konvensyen Liabiliti (perlindungan bagi liabiliti pemunya.)

(3) Perakuan itu hendaklah—

- (a) jika kapal itu didaftarkan di Malaysia, suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pengarah Laut;
- (b) jika kapal itu didaftarkan di negara Konvensyen Liabiliti selain daripada Malaysia, suatu perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kuasa kerajaan negara itu; dan
- (c) jika kapal itu didaftarkan di negara yang bukan negara Konvensyen Liabiliti, suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pengarah Laut atau suatu perakuan yang diiktiraf bagi maksud perenggan ini melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Perakuan yang dikeluarkan di bawah perenggan (3)(a) dan (c) oleh Pengarah Laut hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan hendaklah juga mengandungi terjemahan dalam bahasa Inggeris,

(5) Mana-mana perakuan yang dikehendaki oleh seksyen ini supaya berkuatkuasa berkenaan dengan sesuatu kapal hendaklah dibawa di dalam kapal itu dan hendaklah, apabila diminta, dikemukakan oleh nakhoda kepada Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberikuasa.

(6) Jika sesuatu kapal memasuki atau meninggalkan, atau cuba memasuki atau meninggalkan, sesuatu pelabuhan atau tiba di atau meninggalkan atau cuba tiba di atau meninggalkan, sesuatu pemasangan pangkalan berlanggaran dengan subseksyen (2), maka nakhoda atau pemunya kapal itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

(7) Jika sesuatu kapal tidak membawa atau nakhoda sesuatu kapal tidak mengemukakan perakuan yang dikehendaki oleh subseksyen (5) maka nakhoda kapal itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(8) Jika sesuatu kapal cuba meninggalkan sesuatu pelabuhan atau sesuatu pemasangan pangkalan di Malaysia berlanggaran dengan seksyen ini, kapal itu boleh ditahan.

12. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika Pengarah Laut berpuas hati, apabila suatu permohonan dibuat untuk mendapatkan perakuan yang disebut dalam seksyen 11 berkenaan dengan suatu kapal yang didaftarkan di Malaysia atau mana-mana negara yang bukan negara Konvensyen Liabiliti, bahawa akan ada berkuatkuasa berkenaan dengan kapal itu, sepanjang tempoh yang baginya perakuan itu akan

Pengeluaran
perakuan
oleh
Pengarah
Laut.

dikeluarkan, suatu kontrak insurans yang sah atau cagaran kewangan lain yang memenuhi kehendak-kehendak Perkara 7 Konvensyen Liabiliti, Pengarah Laut hendaklah mengeluarkan perakuan itu kepada pemunya kapal.

(2) Jika Pengarah Laut berpendapat bahawa terdapat keraguan sama ada orang yang mengadakan insurans atau cagaran kewangan lain itu boleh memenuhi obligasinya, atau sama ada insurans atau cagaran kewangan lain itu akan melindungi liabiliti pemunya di bawah seksyen 3 dalam segala hal keadaan, dia boleh enggan mengeluarkan perakuan itu.

(3) Pengarah Laut hendaklah menyenggara suatu rekod mengenai mana-mana perakuan yang dikeluarkan olehnya berkenaan dengan kapal yang didaftarkan di Malaysia dan rekod ini hendaklah boleh didapati untuk pemeriksaan awam.

Hak pihak ketiga terhadap penanggung insurans.

13. (1) Jika pemunya sesuatu kapal dikatakan telah menanggung liabiliti di bawah seksyen 3 semasa berkuatkuasanya suatu kontrak insurans atau cagaran kewangan lain yang dengannya perakuan yang disebutkan dalam seksyen 11 adalah berhubungan, prosiding untuk menguatkuasakan sesuatu tuntutan berkenaan dengan liabiliti itu boleh dimulakan terhadap orang yang mengadakan insurans atau cagaran kewangan lain itu (yang disebut "penanggung insurans" dalam seksyen ini).

(2) Dalam mana-mana prosiding yang dimulakan terhadap penanggung insurans menurut kuasa seksyen ini, penanggung insurans boleh menggunakan pembelaan-pembelaan (selain daripada kebangkrapan atau penggulungan pemunya) yang pemunya itu sendiri berhak menggunakan, dan bukti bahawa kerosakan pencemaran itu adalah akibat daripada salah laku sengaja pemunya itu sendiri hendaklah menjadi suatu pembelaan.

(3) Penanggung insurans boleh membataskan liabilitinya berkenaan dengan tuntutan-tuntutan yang

dibuat terhadapnya menurut kuasa seksyen ini mengikut cara yang sama dan sehingga takat yang sama sebagaimana pemunya kapal boleh membataskan liabilitinya tetapi penanggung insurans boleh berbuat demikian sama ada atau tidak insiden itu berlaku tanpa kesalahan sebenar atau priviti pemunya.

(4) Jika pemunya kapal dan penanggung insurans masing-masing memohon kepada Mahkamah bagi pembatasan liabilitinya apa-apa pembayaran, atau apa-apa pendepositan jaminan bank atau cagaran ke dalam Mahkamah menurut mana-mana satu permohonan itu hendaklah dikira sebagai telah juga dibayar atau didepositkan menurut yang satu lagi.

14. (1) Akta ini tidaklah terpakai bagi kapal perang atau kapal lain yang dipunyai atau dikendalikan oleh sesuatu Negara dan yang pada masa ini hanya digunakan untuk perkhidmatan bukan komersial kerajaan. ^{Kapal kerajaan.}

(2) Berhubungan dengan sesuatu kapal yang dipunyai oleh sesuatu Negara dan yang pada masa ini digunakan bagi maksud komersial, subseksyen 11(2) adalah dipatuhi dengan mencukupi jika ada berkuatkuasa suatu perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan Negara itu dan yang menunjukkan bahawa kapal itu dipunyai oleh Negara itu dan bahawa apa-apa liabiliti bagi kerosakan pencemaran sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perkara 1 Konvensyen Liabiliti akan dipenuhi sehingga takat batasan yang ditetapkan oleh Perkara 5 Konvensyen Liabiliti.

(3) Tiap-tiap Negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen Liabiliti hendaklah, bagi maksud mana-mana prosiding yang dimulakan di dalam Mahkamah di Malaysia untuk menguatkuasakan suatu tuntutan berkenaan dengan liabiliti yang ditanggung di bawah seksyen 3, disifatkan telah patuh kepada bidang kuasa Mahkamah itu, tetapi tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh membenarkan pengeluaran pelaksanaan terhadap harta mana-mana Negara.

BAHAGIAN III

KUMPULAN WANG ANTARABANGSA BAGI PAMPASAN
PENCEMARAN MINYAK

Tafsiran.

15. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"kapal Konvensyen Kumpulan Wang" ertinya kapal yang didaftarkan di bawah undang-undang negara Konvensyen Kumpulan Wang;

"Konvensyen Kumpulan Wang" ertinya Konvensyen Antarabangsa mengenai Penubuhan suatu Kumpulan Wang Antarabangsa bagi Pampasan bagi Kerosakan Pencemaran Minyak yang ditandatangani di Brussels pada 18hb Disember 1971 sebagaimana yang dipinda oleh Protokol Tahun 1976;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Antarabangsa bagi Pampasan Pencemaran Minyak yang ditubuhkan oleh Konvensyen Kumpulan Wang;

"minyak", kecuali dalam seksyen 17 dan 18, ertinya minyak mineral hidrokarbon tegar;

"negara Konvensyen Kumpulan Wang" ertinya sesuatu negara yang berkenaan dengannya Konvensyen Kumpulan Wang berkuatkuasa;

"penjamin" ertinya mana-mana orang yang mengadakan insurans atau cagaran kewangan lain untuk melindungi liabiliti pemunya daripada jenis yang diperihalkan dalam seksyen 11.

Kepehabadian
undang-
undang
Kumpulan
Wang.

16. (1) Kumpulan Wang hendaklah diiktiraf sebagai orang di sisi undang-undang yang boleh memikul hak dan obligasi dan boleh menjadi suatu pihak dalam prosiding undang-undang di hadapan Mahkamah di Malaysia.

(2) Apa-apa prosiding oleh atau terhadap Kumpulan Wang boleh dimulakan sama ada oleh atau terhadap Kumpulan Wang atas namanya sendiri atau oleh atau terhadap Pengarah Kumpulan Wang sebagai wakil Kumpulan Wang.

17. (1) Caruman hendaklah kena dibayar kepada Kumpulan Wang berkenaan dengan minyak yang diterima melalui laut di pelabuhan atau pemasangan pangkalan di Malaysia.

Caruman oleh orang yang menerima minyak.

(2) Subseksyen (1) terpakai sama ada minyak itu diimport atau tidak, dan terpakai walaupun caruman kena dibayar berkenaan dengan pengangkutan minyak yang sama dalam pelayaran yang sebelumnya.

(3) Caruman hendaklah juga kena dibayar kepada Kumpulan Wang berkenaan dengan minyak apabila pertama kali diterima di mana-mana pemasangan di Malaysia selepas dibawa melalui laut dan dipunggah turun di sesuatu pelabuhan atau pemasangan pangkalan di mana-mana negara yang bukan negara Konvensyen Kumpulan Wang.

(4) Seseorang adalah bertanggungjawab untuk membuat caruman berkenaan dengan minyak yang diterima olehnya dalam mana-mana tahun jika minyak yang diterima sedemikian dalam tahun itu melebihi satu ratus lima puluh ribu tan.

(5) Caruman yang kena dibayar oleh seseorang bagi mana-mana tahun—

(a) ialah apa-apa amaun yang ditentukan oleh Perhimpunan Kumpulan Wang di bawah Perkara 11 dan 12 Konvensyen Kumpulan Wang dan diberitahu kepadanya oleh Kumpulan Wang;

(b) hendaklah kena dibayar mengikut apa-apa ansuran, yang genap masa pada bila-bila masa yang diberitahu sedemikian kepadanya,

dan jika apa-apa amaun yang kena dibayar olehnya masih belum dibayar selepas tarikh yang ia genap masa, maka ia hendaklah selepas itu dikenakan bunga, pada kadar yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Perhimpunan tersebut, sehingga ia dibayar.

(6) Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan, mengenakan ke atas orang yang bertanggung atau mungkin bertanggung membayar caruman di bawah seksyen ini, obligasi untuk memberi cagaran bagi pembayaran kepada Pengarah Laut atau kepada Kumpulan Wang, dan peraturan-peraturan di bawah subseksyen ini—

- (a) boleh mengandungi apa-apa peruntukan tambahan atau sampingan yang didapati suaimanfaat oleh Menteri; dan
- (b) boleh mengenakan penalti bagi pelanggaran peraturan-peraturan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(7) Dalam seksyen ini dan seksyen 18 melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"minyak" ertinya minyak mentah dan minyak bahan api, dan—

- (a) "minyak mentah" ertinya apa-apa campuran hidrokarbon cecair yang terjadi secara semula jadi di dalam bumi sama ada diproses atau tidak untuk menjadikannya sesuai bagi pengangkutan, dan termasuklah—
 - (i) minyak mentah yang daripadanya bahagian-bahagian sulingan telah dibuang; dan
 - (ii) minyak mentah yang kepadanya bahagian-bahagian sulingan telah ditambah;
- (b) "minyak bahan api" ertinya sulingan berat atau baki daripada minyak mentah atau campuran bahan sedemikian yang dimaksudkan untuk digunakan sebagai bahan api bagi pengeluaran haba atau kuasa yang mutunya setara dengan "Pertubuhan Amerika bagi Pengujian dan Spesifikasi Bahan bagi Minyak Bahan Api Nombor Empat (Penetapan D396-69)", atau lebih berat.

18. (1) Bagi maksud menghantar kepada Kumpulan Wang nama dan alamat orang yang di bawah seksyen 17 adalah bertanggung untuk membuat caruman kepada Kumpulan Wang bagi mana-mana tahun, dan kuantiti minyak yang berkenaan dengannya orang itu adalah bertanggung sedemikian, Pengarah Laut boleh melalui notis menghendaki mana-mana orang yang terlibat dalam mengeluarkan, memproses, mengedarkan atau mengangkut minyak memberikan apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam notis itu.

Kuasa untuk
mendapatkan
maklumat.

(2) Notis di bawah seksyen ini boleh menentukan cara bagaimana, dan masa yang dalamnya, notis itu hendaklah dipatuhi.

(3) Dalam prosiding oleh Kumpulan Wang terhadap mana-mana orang untuk mendapat kembali apa-apa amaun yang kena di bayar di bawah seksyen 17, butir-butir yang terkandung dalam mana-mana senarai yang dihantar oleh Pengarah Laut kepada Kumpulan Wang hendaklah, setakat yang butir-butir tersebut adalah berasaskan maklumat yang didapati di bawah seksyen ini, boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalam senarai itu; dan setakat yang butir-butir yang boleh diterima sedemikian adalah berasaskan maklumat yang diberikan oleh orang yang terhadapnya prosiding itu dibawa, butir-butir tersebut hendaklah dianggap tepat sehingga yang sebaliknya dibuktikan.

(4) Jika seseorang mendedahkan apa-apa maklumat yang telah diberikan kepadanya atau didapati olehnya di bawah seksyen ini, atau berkaitan dengan pelaksanaan seksyen ini, maka dia, melainkan jika pendedahan itu dibuat—

- (a) dengan persetujuan orang yang daripadanya maklumat itu telah didapati;
- (b) berkaitan dengan pelaksanaan seksyen ini; atau

- (c) bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang yang berbangkit daripada seksyen ini atau apa-apa laporan mengenai prosiding itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Seseorang yang—

- (a) enggan atau dengan sengaja mengabaikan untuk mematuhi notis di bawah seksyen ini; atau
- (b) dalam memberikan apa-apa maklumat pada mematuhi notis di bawah seksyen ini, membuat apa-apa pernyataan yang dia tahu adalah palsu mengenai sesuatu butir material, atau secara melulu membuat apa-apa pernyataan yang adalah palsu mengenai butir material,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Liabiliti
Kumpulan
Wang.

19. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (4), Kumpulan Wang hendaklah bertanggung bagi kerosakan pencemaran di mana-mana kawasan di Malaysia jika orang yang menanggung kerosakan itu tidak dapat memperoleh pampasan penuh di bawah seksyen 3—

- (a) oleh sebab liabiliti di bawah seksyen itu dilepaskan sepenuhnya oleh seksyen 4;
- (b) oleh sebab pemunya kapal yang bertanggung bagi kerosakan pencemaran itu tidak dapat memenuhi obligasinya sepenuhnya atau apa-apa insurans atau cagaran kewangan lain yang diadakan bawah seksyen 11 tak mencukupi untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan itu; atau

(c) oleh sebab kerosakan pencemaran itu melebihi liabiliti di bawah seksyen 3 sebagaimana yang terbatas oleh seksyen 6.

(2) Bagi maksud seksyen ini pemunya sesuatu kapal hendaklah dianggap tak berupaya untuk memenuhi obligasinya jika obligasi itu tidak dipenuhi selepas segala langkah munasabah telah diambil untuk meneruskan remedi undang-undang yang ada.

(3) Perbelanjaan munasabah yang dilakukan atau pengorbanan munasabah yang dibuat oleh pemunya sesuatu kapal secara sukarela untuk mencegah atau meminimumkan kerosakan pencemaran hendaklah dianggap sebagai kerosakan pencemaran bagi maksud seksyen ini, dan dengan demikian itu dia hendaklah berada dalam kedudukan yang sama berkenaan dengan tuntutan-tuntutan terhadap Kumpulan Wang di bawah seksyen ini seolah-olah dia mempunyai tuntutan berkenaan dengan liabiliti di bawah seksyen 3.

(4) Kumpulan Wang tidaklah menanggung sesuatu obligasi di bawah seksyen ini jika—

(a) ia membuktikan bahawa kerosakan pencemaran itu—

(i) diakibatkan oleh tindakan perang, permusuhan, perang saudara atau penderhakaan; atau

(ii) disebabkan oleh minyak yang telah dilepaskan atau bocor daripada kapal perang atau kapal lain yang dipunyai atau dikendalikan oleh sesuatu Negara dan digunakan, pada masa insiden itu, hanya untuk perkhidmatan bukan komersial kerajaan sahaja; atau

(b) pihak menuntut itu tidak dapat membuktikan bahawa kerosakan pencemaran itu adalah akibat daripada sesuatu insiden yang melibatkan satu kapal atau lebih.

(5) Jika dibuktikan bahawa kerosakan pencemaran itu keseluruhannya atau sebahagiannya diakibatkan—

(a) oleh suatu perbuatan atau pemnggalan yang dibuat dengan niat hendak menyebabkan kerosakan oleh orang yang menanggung kerosakan itu; atau

(b) daripada kecuaiian orang itu,

maka Kumpulan Wang bolehlah dilepaskan keseluruhannya atau sebahagiannya daripada obligasinya untuk membayar pampasan kepada orang itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi suatu tuntutan berkenaan dengan perbelanjaan atau pengorbanan yang dibuat secara sukarela untuk mencegah atau meminimumkan kerosakan pencemaran.

(6) Liabiliti Kumpulan Wang di bawah seksyen ini hendaklah tertakluk kepada batasan-batasan yang dikenakan oleh perenggan 4, 5 dan 6 Perkara 4 Konvensyen Kumpulan Wang (sebagaimana yang dipinda oleh Perkara 3 Protokol kepada Konvensyen itu yang bertarikh 19hb November 1976) yang mengenakan suatu batasan menyeluruh ke atas liabiliti Kumpulan Wang, dan yang teksnya dinyatakan dalam Jadual.

(7) Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis yang lain keterangan mengenai apa-apa suratcara yang dikeluarkan oleh mana-mana organ Kumpulan Wang atau apa-apa dokumen dalam jagaan Kumpulan Wang, atau apa-apa catatan dalam atau cabutan daripada mana-mana dokumen sedemikian, boleh diberikan dalam mana-mana prosiding undang-undang dengan mengemukakan suatu salinan yang diperakui sebagai salinan benar oleh seorang pegawai Kumpulan Wang; dan apa-apa dokumen yang berupa sebagai salinan itu hendaklah diterima dalam keterangan tanpa bukti mengenai jawatan rasmi atau tulisan orang yang menandatangani perakuan itu.

(8) Bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Perkara 4 Konvensyen Kumpulan Wang, Mahkamah yang memberikan penghakiman terhadap Kumpulan Wang dalam prosiding di bawah seksyen ini hendaklah memberitahu Kumpulan Wang, dan—

- (a) tiada langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan penghakiman itu melainkan jika dan sehingga Mahkamah memberikan kebenaran untuk menguatkuasakannya;
- (b) kebenaran itu tidak boleh diberikan melainkan jika dan sehingga Kumpulan Wang memberitahu Mahkamah sama ada amaun tuntutan itu tidak akan dikurangkan di bawah peruntukan-peruntukan Perkara 4 yang tersebut atau bahawa ia akan dikurangkan kepada suatu amaun yang tertentu; dan
- (c) dalam hal yang kedua itu, penghakiman boleh dikuatkuasakan hanya bagi amaun yang dikurangkan sahaja.

20. (1) Jika sesuatu liabiliti ditanggung di bawah seksyen 3 berkenaan dengan kapal yang didaftarkan di suatu negara Konvensyen Kumpulan Wang atau yang mengibarkan bendera suatu negara Konvensyen Kumpulan Wang, Kumpulan Wang hendaklah menanggung rugi pemunya kapal itu dan penjaminnya bagi bahagian amaun agregat liabiliti itu yang—

Penanggung
rugi jika
kerusakan
disebabkan
oleh kapal
yang didaftar-
kan di negara
Konvensyen
Kumpulan
Wang.

- (a) adalah lebih daripada suatu amaun yang setara dengan satu ratus hak pengeluaran khas bagi setiap tan tanan kapal atau amaun lapan juta tiga ratus tiga puluh tiga ribu hak pengeluaran khas, mengikut mana-mana yang lebih kurang; dan
- (b) adalah tidak lebih daripada suatu amaun yang setara dengan satu ratus tiga puluh tiga hak pengeluaran khas bagi setiap tan tanan tersebut atau suatu amaun empat belas juta hak pengeluaran khas, mengikut mana-mana yang lebih kurang.

(2) Jika prosiding di bawah Konvensyen Liabiliti bagi mendapatkan pampasan bagi kerosakan pencemaran telah dibawa di negara yang bukan negara Konvensyen Kumpulan Wang (tetapi adalah negara Konvensyen Liabiliti), dan insiden itu telah menyebabkan kerosakan pencemaran di Malaysia (dan juga di negara yang satu lagi itu), maka subseksyen (1) hendaklah terpakai dengan meninggalkan perkataan-perkataan "di bawah seksyen 3".

(3) Kumpulan Wang tidaklah menanggung obligasi di bawah seksyen ini jika kerosakan pencemaran itu adalah akibat daripada salah laku sengaja pemunya itu sendiri.

(4) Dalam prosiding untuk menguatkuasakan obligasi Kumpulan Wang di bawah seksyen ini Mahkamah boleh melepaskan Kumpulan Wang keseluruhannya atau sebahagiannya jika dibuktikan bahawa akibat daripada kesalahan sebenar atau priviti pemunya kapal—

- (a) kapal itu tidak mematuhi apa-apa kehendak yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah bagi maksud seksyen ini; dan
- (b) insiden atau kerosakan itu disebabkan keseluruhannya atau sebahagiannya oleh ketakpatuhan itu.

(5) Kehendak-kehendak yang disebut dalam subseksyen (4) ialah apa-apa kehendak yang didapati sesuai oleh Menteri untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Perkara 5(3) dan Perkara 5(4) Konvensyen Kumpulan Wang.

(6) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4)—

- (a) boleh diubah atau dibatalkan oleh suatu perintah yang berikutnya yang dibuat sedemikian; atau
- (b) boleh mengandungi apa-apa peruntukan peralihan atau peruntukan tambahan lain yang didapati suaimanfaat oleh Menteri.

(7) Perbelanjaan munasabah yang dilakukan dan pengorbanan munasabah yang dibuat oleh pemunya kapal secara sukarela untuk mencegah atau meminimumkan kerosakan pencemaran hendaklah dianggap sebagai termasuk dalam liabiliti pemunya bagi maksud seksyen ini.

21. (1) Tiada tindakan untuk menguatkuasakan sesuatu tuntutan terhadap Kumpulan Wang di bawah Bahagian ini boleh dipertimbangkan oleh sesuatu Mahkamah di Malaysia melainkan jika—

Penghapusan tuntutan.

- (a) tindakan itu dimulakan; atau
- (b) notis pihak ketiga mengenai suatu tindakan untuk menguatkuasakan tuntutan terhadap pemunya kapal atau penjaminnya berkenaan dengan kerosakan pencemaran itu diberikan kepada Kumpulan Wang,

dalam tempoh tiga tahun dari tarikh kerosakan pencemaran itu berlaku dan dalam subseksyen ini "notis pihak ketiga" ertinya notis daripada jenis yang diperihalkan dalam subseksyen 23(3) dan (4).

(2) Tiada tindakan untuk menguatkuasakan sesuatu tuntutan terhadap Kumpulan Wang di bawah Bahagian ini boleh dipertimbangkan oleh sesuatu Mahkamah di Malaysia melainkan jika tindakan itu dimulakan dalam tempoh enam tahun dari tarikh insiden yang menyebabkan kerosakan pencemaran itu.

(3) Walau apa pun peruntukan terdahulu seksyen ini, hak pemunya kapal atau penjaminnya untuk membawa sesuatu tindakan di bawah seksyen 20 tidak boleh dihapuskan sebelum tempoh enam bulan dari tarikh yang pemunya atau penjaminnya mula-mula mendapat tahu tentang tindakan yang dibawa terhadapnya di bawah Bahagian II atau di bawah peruntukan bersamaan dalam undang-undang mana-mana negara di luar Malaysia yang memberikan kuatkuasa kepada Konvensyen Liabiliti.

Subrogasi
dan hak
pertolongan.

22. (1) Berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang dibayar di bawah perenggan 19(1)(b), Kumpulan Wang hendaklah memperoleh, secara subrogasi, hak-hak penerima terhadap pemunya kapal atau penjaminnya.

(2) Hak Kumpulan Wang di bawah subseksyen (1) adalah tertakluk kepada apa-apa obligasi Kumpulan Wang di bawah seksyen 20 untuk menanggung rugi pemunya atau penjaminnya bagi mana-mana bahagian liabiliti yang telah dimungkirinya.

(3) Berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang dibayar—

(a) di bawah perenggan 19(1)(a) atau (c); atau

(b) di bawah seksyen 20,

Kumpulan Wang hendaklah memperoleh secara subrogasi apa-apa hak pertolongan atau subrogasi yang pemunya atau penjaminnya atau mana-mana orang lain ada berkenaan dengan liabilitinya bagi kerosakan yang berkenaan.

(4) Berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh sesuatu pihak berkuasa awam di Malaysia atau Negara lain sebagai pampasan bagi kerosakan pencemaran, pihak berkuasa awam atau Negara itu hendaklah memperoleh, secara subrogasi apa-apa hak yang penerima ada terhadap Kumpulan Wang di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN IV

BIDANG KUASA DAN KESAN PENGHAKIMAN

Bidang kuasa
dan kesan
penghakiman.
Akta 91.

23. (1) Bidang kuasa Mahkamah Tinggi berhubungan dengan perkara-perkara admiralti di bawah perenggan 24(b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 hendaklah diperluaskan kepada apa-apa tuntutan berkenaan dengan liabiliti yang ditanggung di bawah Akta ini, termasuklah liabiliti yang ditanggung oleh Kumpulan Wang di bawah Bahagian III.

(2) Jika apa-apa minyak dilepaskan atau bocor daripada kapal tetapi tidak mengakibatkan apa-apa kerosakan pencemaran di mana-mana kawasan di Malaysia dan tiada langkah-langkah pencegahan semunasabahnya diambil untuk mencegah atau meminimumkan kerosakan sedemikian di kawasan itu, tiada Mahkamah di Malaysia boleh mempertimbangkan suatu tindakan (sama ada *in rem* atau *in personam*) untuk menguatkuasakan tuntutan yang berbangkit daripada—

- (a) apa-apa kerosakan pencemaran yang disebabkan berlaku di mana-mana kawasan negara Konvensyen Liabiliti yang lain akibat daripada pelepasan atau kebocoran itu;
- (b) apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mencegah atau meminimumkan kerosakan sedemikian di mana-mana kawasan negara Konvensyen Liabiliti yang lain; atau
- (c) apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh langkah-langkah pencegahan yang diambil sedemikian.

(3) Jika Kumpulan Wang telah diberikan notis mengenai prosiding yang dimulakan terhadap pemunya sesuatu kapal atau penjaminnya berkenaan dengan liabiliti di bawah seksyen 3, apa-apa penghakiman yang diberikan dalam prosiding itu hendaklah, selepas ia menjadi muktamad dan boleh dikuatkuasakan, mengikat Kumpulan Wang dalam erti kata bahawa fakta dan dapatan dalam penghakiman itu tidak boleh dipertikaikan oleh Kumpulan Wang walaupun Kumpulan Wang tidak campur tangan dalam prosiding itu.

(4) Jika seseorang menanggung liabiliti di bawah undang-undang negara Konvensyen Kumpulan Wang yang bersamaan dengan Bahagian II kerana kerosakan yang sebahagiannya adalah di mana-mana kawasan di Malaysia subseksyen (3) hendaklah, bagi maksud prosiding di bawah Bahagian III, terpakai dengan

apa-apa ubahsuaian yang perlu bagi suatu penghakiman dalam prosiding di bawah undang-undang itu di negara tersebut.

Penguatkuasaan
penghakiman.
Akta 99.

24. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Bahagian II Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 hendaklah terpakai bagi apa-apa penghakiman yang diberikan oleh Mahkamah di—

- (a) negara Konvensyen Liabiliti untuk menguatkuasakan suatu tuntutan berkenaan dengan liabiliti yang ditanggung di bawah mana-mana peruntukan yang bersamaan dengan seksyen 3; atau
- (b) negara Konvensyen Kumpulan Wang untuk menguatkuasakan suatu tuntutan berkenaan dengan liabiliti yang ditanggung di bawah mana-mana peruntukan yang bersamaan dengan seksyen 19 atau 20,

dan dalam pemakaian Akta itu bagi penghakiman sedemikian Bahagian II tersebut hendaklah berkuatkuasa dengan meninggalkan subseksyen 5(2) dan (3) Akta tersebut.

(2) Berkenaan dengan perenggan (1)(b), tiada langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan suatu penghakiman sedemikian melainkan jika dan sehingga Mahkamah di mana penghakiman itu didaftarkan di bawah Bahagian II Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 memberikan kebenaran untuk menguatkuasakannya dan—

- (a) bahawa kebenaran tidak boleh diberikan melainkan jika dan sehingga Kumpulan Wang memberitahu Mahkamah sama ada amaun tuntutan itu tidak akan dikurangkan di bawah perenggan 4 Perkara 4 Konvensyen Kumpulan Wang (sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual) atau ia akan dikurangkan kepada suatu amaun tertentu; dan
- (b) dalam hal yang kedua itu, penghakiman itu boleh dikuatkuasakan hanya bagi amaun yang dikurangkan.

(3) Bagi maksud Akta ini, subseksyen 3(2) Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 hendaklah terpakai dengan ubahsuaian yang berikut:

- (a) sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri;
- (b) sebutan mengenai Jadual Pertama hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Jadual Kedua kepada Akta ini; dan
- (c) Mahkamah Tinggi negara atau wilayah itu hendaklah disifatkan sebagai mahkamah atasan negara atau wilayah itu.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

25. (1) Tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan atau apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri, adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Laut untuk menjalankan segala atau mana-mana kuasa dan tugas di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

Pengarah Laut hendaklah menjalankan kuasa dan tugas di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Pengarah Laut boleh secara bertulis memberikuasa mana-mana pegawai yang disifatkannya layak untuk menjalankan mana-mana kuasa dan tugas yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Pegawai diberikuasa yang disebut di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

*N.M.B
Bab 45.*

26. (1) Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberikuasa, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini, boleh tanpa waran—

Kuasa menangkap, menahan dan mendakwa.

- (a) menangkap mana-mana orang yang dia ada sebab untuk percaya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini; dan

- (b) menahan mana-mana kapal yang dia ada sebab untuk percaya telah digunakan dalam melakukan kesalahan sedemikian:

Dengan syarat bahawa apabila mana-mana orang telah ditangkap sebagaimana yang disebut terdahulu, dia hendaklah sesudah itu diuruskan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun Prosedur Jenayah.

N.M.B.
Bab 6.

(2) Jika sesuatu kapal telah ditahan di bawah subseksyen (1) Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberikuasa boleh melepaskan kapal itu kepada pemunya, nakhoda atau ejennya tertakluk kepada pemberian jaminan yang mencukupi yang memuaskan hati Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberikuasa bahawa kapal itu akan diserahkan kepadanya atas permintaan.

(3) Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberikuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk hadir di mahkamah dan menjalankan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kuasa untuk
menaiki dan
mengeledah
kapal.

27. (1) Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberikuasa, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, boleh tanpa waran—

- (a) menaiki dan mengeledah mana-mana kapal; atau
(b) memasuki dan mengeledah mana-mana premis,

dan boleh menjalankan apa-apa pemeriksaan dan penelitian yang difikirkannya perlu dan boleh menyita apa-apa buku, kertas, dokumen atau benda-benda lain yang dijumpai di tempat-tempat itu yang boleh memberikan keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan boleh membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, mana-mana buku, kertas atau dokumen sedemikian.

(2) Mana-mana orang yang menyerang, mengendalakan, merintangikan atau menghalang Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberikuasa dalam pelaksanaan tugas-tugasnya di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

28. Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana orang yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, serta juga pertubuhan perbadanan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan tersebut melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala daya usaha untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya, setelah mengambil kira jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan setelah mengambil kira segala hal keadaan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

29. (1) Menteri dari semasa ke semasa boleh membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suaimanfaat bagi memberikan kuatkuasa penuh kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

(a) untuk menetapkan amaun fee yang kena dibayar atas permohonan bagi pengeluaran suatu perakuan di bawah subseksyen 12(1);

- (b) untuk menetapkan bentuk perakuan yang akan dikeluarkan di bawah subseksyen 12(1) dan tempoh keesahan perakuan itu;
- (c) untuk membuat peruntukan bagi pengkensenan dan penyerahan perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 12(1) dalam apa-apa hal keadaan yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan;
- (d) untuk membuat peruntukan bahawa perakuan berkenaan dengan kapal-kapal yang didaftarkan di mana-mana negara, atau mana-mana negara tertentu, yang bukan negara Konvensyen Liabiliti, hendaklah, dalam apa-apa hal keadaan yang ditentukan dalam peraturan-peraturan itu, diiktiraf bagi maksud perenggan 11(3)(c) jika dikeluarkan oleh atau di bawah kuasa kerajaan negara yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan bagi maksud itu; dan negara yang boleh ditapkan sedemikian bolehlah sama ada salah satu daripada atau kedua-dua yang berikut, iaitu—
 - (i) negara di mana kapal itu didaftarkan; atau
 - (ii) mana-mana negara yang ditentukan dalam peraturan-peraturan bagi maksud perenggan ini;
- (e) untuk membuat peruntukan bagi penukaran hak pengeluaran khas yang disebut dalam Akta ini kepada amaun wang yang dinyatakan dalam Ringgit Malaysia;
- (f) untuk membuat peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dikehendaki oleh mana-mana peruntukan Akta ini supaya diperuntukkan melalui peraturan-peraturan.

(3) Jika seseorang yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan di bawah perenggan (2)(c) supaya menyerahkan suatu perakuan tidak berbuat demikian, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

JADUAL PERTAMA

(Subseksyen 19(6))

BATASAN MENYELURUH KE ATAS LIABILITI
KUMPULAN WANG

Perkara 4—perenggan 4, 5 dan 6

4. (a) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam subperenggan (b) perenggan ini, amaun agregat pampasan yang kena dibayar oleh Kumpulan Wang di bawah Perkara ini berkenaan dengan mana-mana satu insiden hendaklah dibataskan, supaya jumlah wang bagi amaun itu dan amaun pampasan yang sebenarnya dibayar di bawah Konvensyen Laibiliti bagi kerosakan pencemaran yang disebabkan berlaku di wilayah Negara Pejanji, termasuklah apa-apa jumlah wang yang berkenaan dengannya Kumpulan Wang adalah di bawah obligasi untuk menanggung rugi pemunya menurut Perkara 5 perenggan 1 Konvensyen ini, tidak melebihi 30 juta hak pengeluaran khas.

(b) Amaun agregat pampasan yang kena dibayar oleh Kumpulan Wang di bawah Perkara ini bagi kerosakan pencemaran akibat daripada suatu fenomena semula jadi yang luarbiasa, tak dapat dielakkan dan dibendung jenisnya tidak boleh melebihi 30 juta hak pengeluaran khas.

5. Jika amaun tuntutan yang terbukti terhadap Kumpulan Wang melebihi amaun agregat pampasan yang kena dibayar di bawah perenggan 4, amaun yang boleh didapati hendaklah dibahagikan mengikut apa-apa cara supaya kadar di antara mana-mana tuntutan yang terbukti dan amaun pampasan yang sebenarnya didapati kembali oleh pihak menuntut di bawah Konvensyen Liabiliti dan Konvensyen ini adalah sama bagi semua pihak menuntut.

6. Perhimpunan Kumpulan Wang (yang kemudian daripada ini disebut "Perhimpunan"), setelah mengambil kira pengalaman insiden-insiden yang telah berlaku dan khususnya amaun kerosakan akibat daripadanya dan perubahan dalam nilai kewangan, boleh memutuskan bahawa amaun 30 juta hak pengeluaran khas yang disebut dalam perenggan 4 subperenggan (a) dan (b), hendaklah ditukar dengan syarat bahawa amaun ini walau bagaimanapun, tidak sekali-kali boleh melebihi 60 juta hak pengeluaran khas atau lebih rendah daripada 30 juta hak pengeluaran khas. Amaun yang ditukar hendaklah terpakai bagi insiden yang berlaku selepas tarikh keputusan yang menguatkuasakan pertukaran itu.

JADUAL KEDUA

(Subseksyen 24(3))PIHAK NEGARA KEPADA KONVENSYEN LIABILITI
SIVIL

Africa Selatan	Liberia
Algeria	Luxembourg
Australia	Maldives
Bahamas	Malta
Belgium	Mesir
Belize	Monaco
Benin	Morocco
Brazil	Netherlands
Brunei Darussalam	New Zealand
Cameroon	Nigeria
Chile	Norway
China	Oman
Colombia	Panama
Cote d'Ivoire	Papua New Guinea
Croatia	Perancis
Cyprus	Peru
Denmark	Persekutuan Russia
Djibouti	Poland
Ecuador	Portugal
Emiriah Arab Bersatu	Qatar
Estonia	Republik Arab Syria
Fiji	Republic Dominica
Pinland	Republik Korea
Gabon	Saint Vincent and the Grenadines
Gambia	Senegal
Ghana	Sepanyol
Greece	Seychelles
Guatemala	Singapura
Iceland	Slovenia
India	Sri Lanka
Indonesia	Sweden
Ireland	Switzerland
Itali	Tunisia
Jepun	Tuvalu
Jerman	United Kingdom
Kanada	Vanuatu
Kenya	Venezuela
Kuwait	Yemen
Latvia	Yugoslavia
Lebanon	

PIHAK NEGARA KEPADA KONVENSYEN
KUMPULAN WANG

Algeria	Liberia
Bahamas	Maldives
Benin	Malta
Brunei Darussalam	Monaco
Cameroon	Morocco
Cote D'Ivoire	Netherlands
Croatia	Nigeria
Cyprus	Norway
Denmark	Oman
Djibouti	Papua New Guinea
Emiriah Arab Bersatu	Perancis
Estonia	Persekutuan Russia
Fiji	Poland
Finland	Portugal
Gabon	Qatar
Gambia	Republik Arab Syria
Ghana	Republik Korea
Greece	Sepanyol
Iceland	Seychelles
India	Slovenia
Indonesia	Sri Lanka
Ireland	Sweden
Itali	Tunisia
Jepun	Tuvalu
Jerman	United Kingdom
Kanada	Vanuatu
Kenya	Venezuela
Kuwait	Yugoslavia

—
HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi pelaksanaan dua konvensyen antarabangsa yang menentukan pampasan bagi kerosakan yang disebabkan oleh tumpahan minyak daripada kapal minyak, iaitu, Korvensyen Antarabangsa mengenai Liabiliti Sivil bagi Kerosakan Pencemaran Minyak 1969 (Konvensyen Liabiliti Sivil) dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Penubuhan Kumpulan Wang Antarabangsa bagi Pampasan bagi Kerosakan Pencemaran Minyak 1971 (Konvensyen Kumpulan Wang). Konvensyen Liabiliti Sivil menentukan liabiliti pemunya-pemunya kapal bagi kerosakan pencemaran minyak dan ia menetapkan suatu skim pampasan yang komprehensif bagi

kerusakan pencemaran yang disebabkan oleh tumpahan minyak daripada kapal. Konvensyen Kumpulan Wang adalah tambahan kepada Konvensyen Liabiliti Sivil dan ia memperuntukkan pembayaran pampasan tambahan kepada mangsa-mangsa pencemaran minyak apabila pampasan yang diperuntukkan di bawah Konvensyen Liabiliti Sivil tidak mencukupi.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I adalah berhubungan dengan perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan membenarkan Menteri menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasa peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta.
4. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta ini dan memperuntukkan bahawa Konvensyen Liabiliti Sivil terpakai bagi kerosakan pencemaran yang disebabkan berlaku di perairan wilayah Malaysia.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II memperkatakan Konvensyen Liabiliti Sivil.
6. *Fasal 3* mengenakan liabiliti strik ke atas pemunya kapal bagi kerosakan pencemaran yang disebabkan oleh minyak yang telah dilepaskan atau bocor daripada kapalnya.
7. *Fasal 4* bertujuan memperuntukkan bahawa pemunya kapal tidak akan bertanggung bagi kerosakan pencemaran jika dia boleh meletakkan dirinya di bawah salah satu daripada empat pembelaan utama.
8. *Fasal 5* bertujuan memperuntukkan bahawa liabiliti dikenakan hanya ke atas pemunya kapal dan tiada tuntutan boleh dibuat terhadap pengkhidmat atau ejennya.
9. *Fasal 6* adalah berhubungan dengan hak pemunya kapal untuk membataskan liabilitinya bagi kerosakan pencemaran.
10. *Fasal 7* memberi Mahkamah kuasa untuk menentukan sama ada atau tidak pemunya kapal berhak untuk membataskan liabilitinya bagi kerosakan pencemaran.
11. *Fasal 8* memberi Mahkamah kuasa untuk memerintahkan pelepasan daripada tahanan akan mana-mana kapal atau harta lain yang telah diberikan sebagai cagaran bagi apa-apa tuntutan yang berbangkit daripada liabiliti di bawah seksyen 3, dengan syarat

bahawa pemunya kapal itu telah membayar amaun pembatasan ke dalam Mahkamah.

12. *Fasal 9* bertujuan membuat peruntukan bagi penubuhan kumpulan wang pembatasan di luar Malaysia.

13. *Fasal 10* bertujuan membuat peruntukan bagi had masa bagi tuntutan pampasan terhadap pemunya kapal.

14. *Fasal 11* bertujuan membuat peruntukan bagi insurans wajib bagi pemunya kapal yang membawa lebih daripada 2000 tan minyak. Sebagai keterangan mengenainya suatu perakuan akan dikeluarkan oleh Pengarah Laut.

15. *Fasal 12* memberi Pengarah Laut kuasa untuk mengeluarkan perakuan yang tersebut di atas kepada pemunya kapal.

16. *Fasal 13* bertujuan membenarkan tindakan langsung terhadap penanggung insurans atau orang lain yang memberikan cagaran kewangan. Penanggung insurans adalah dilepaskan daripada liabiliti jika insiden itu disebabkan oleh salah laku sengaja pemunya kapal.

17. *Fasal 14* bertujuan memperuntukkan bahawa Akta tidaklah terpakai bagi kapal-kapal kerajaan yang digunakan bagi maksud bukan perdagangan.

BAHAGIAN III

18. Bahagian III memperkatakan Konvensyen Kumpulan Wang.

19. *Fasal 15* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian ini.

20. *Fasal 16* bertujuan membuat peruntukan bagi keperibadian undang-undang Kumpulan Wang.

21. *Fasal 17* bertujuan memperuntukkan bahawa seseorang yang menerima lebih daripada 150,000 tan minyak adalah bertanggung untuk mencarum kepada Kumpulan Wang.

22. *Fasal 18* memberi Pengarah Laut kuasa untuk mendapatkan maklumat daripada orang yang terlibat dalam mengeluarkan, memproses, mengedar atau mengangkut minyak bagi maksud memberi Kumpulan Wang suatu senarai nama dan alamat orang yang bertanggung untuk membuat caruman.

23. *Fasal 19* adalah berhubungan dengan obligasi Kumpulan Wang untuk membayar pampasan tambahan berkenaan dengan kerosakan pencemaran kepada mana-mana orang yang menanggung kerosakan pencemaran yang tidak mendapat pampasan yang mencukupi di bawah Konvensyen Liabiliti Sivil.

24. *Fasal 20* mengadakan peruntukan bagi penanggungan rugi pemunya kapal dan penjaminnya oleh Kumpulan Wang. Ia juga menyatakan hal keadaan yang Kumpulan Wang adalah dilepaskan daripada obligasinya untuk menanggung rugi pemunya kapal.

25. *Fasal 21* bertujuan membuat peruntukan bagi had masa bagi tuntutan pampasan terhadap Kumpulan Wang.

26. *Fasal 22* memperkatakan subrogasi dan hak pertolongan Kumpulan Wang terhadap pemunya kapal atau penjamin.

BAHAGIAN IV

27. Bahagian IV memperkatakan bidang kuasa dan kesan penghakiman.

28. *Fasal 23* memperkatakan bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk menguruskan tuntutan yang berbangkit di bawah Akta ini.

29. *Fasal 24* memperkatakan penguatkuasaan penghakiman.

BAHAGIAN V

30. Bahagian V adalah berhubungan dengan penguatkuasaan.

31. *Fasal 25* memberi Pengarah Laut kuasa untuk menjalankan tugas di bawah Akta ini dan untuk mewakili tugasnya kepada mana-mana pegawai diberikuasa.

32. *Fasal 26* adalah berhubungan dengan kuasa penangkapan, penahanan dan pendakwaan.

33. *Fasal 27* adalah berhubungan dengan kuasa memasuki, menggeledah dan pemeriksaan oleh Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberikuasa.

BAHAGIAN VI

34. Bahagian VI memperkatakan perkara-perkara pelbagai.

35. *Fasal 28* memperkatakan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

36. *Fasal 29* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam fasal tersebut.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1432/B.]